SIARAN AKHBAR
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

MESYUARAT *ASIA PACIFIC ECONOMIC COOPERATION MINISTERS RESPONSIBLE FOR TRADE MEETING (APEC MRT)* DAN MESYUARAT MENTERI-MENTERI *COMPREHENSIVE AND PROGRESSIVE AGREEMENT FOR TRANS PACIFIC PARTNERSHIP (CPTPP)*
15 – 16 Mei 2025
Jeju, Republik Korea

Gambar: APEC Korea

1. Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II Negara Brunei Darussalam telah menghadiri Mesyuarat *APEC Ministers Responsible for Trade* (MRT) yang telah diadakan pada 15 hingga 16 Mei 2025 di Jeju, Republik Korea.

2. Mesyuarat APEC MRT telah dipengerusikan oleh Tuan Yang Terutama Inkyo Cheong, Menteri Perdagangan Republik Korea dan dihadiri oleh Menteri-Menteri Perdagangan dan Ekonomi serta wakil-wakil daripada Ekonomi-Ekonomi APEC.

3. Selaras dengan tema APEC 2025 iaitu ***"Building a Sustainable Tomorrow: Connect, Innovate, Prosper,"*** para Menteri membincangkan pelbagai langkah kerjasama untuk memangkinkan penggunaan teknologi *Artificial Intelligence* (AI) dalam bidang perdagangan seperti aplikasi AI dan perkongsian maklumat standard dalam bidang tarif dan kastam, pembaharuan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan peranan APEC dalam sistem perdagangan pelbagai hala serta langkah-langkah untuk usaha sama dalam mewujudkan rantaian bekalan yang mampan, termasuk tindak balas terhadap krisis iklim.

4. Semasa sesi-sesi tersebut, Yang Berhormat Dato Dr. Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II telah berkongsi pandangan Negara Brunei Darussalam seperti berikut:

    4.1 Berkongsi usaha Negara Brunei Darussalam dalam membangunkan strategi kebangsaan AI dan mengintegrasikan AI ke dalam sektor seperti kesihatan. Negara Brunei Darussalam selanjutnya menekankan sikap berhati-hati terhadap jurang peraturan, perlindungan privasi data, dan penerimaan teknologi digital yang inklusif bagi memastikan pertumbuhan yang saksama di seluruh rantau APEC;

    4.2 Menggariskan kepentingan untuk mempertahankan sistem perdagangan pelbagai hala dengan WTO sebagai terasnya dan bagi APEC untuk menyokong usaha-usaha WTO dalam menghasilkan keputusan pada Persidangan Menteri WTO ke-14 pada tahun hadapan, termasuk memulihkan sistem penyelesaian pertikaian yang berfungsi sepenuhnya. Negara Brunei Darussalam juga menggesa APEC untuk menyumbang kepada usaha WTO dengan memupuk dialog dan penyelesaian inovatif; dan

    4.3 Menekankan kepentingan untuk memperkukuh kerjasama serantau bagi meningkatkan daya tahan rantaian bekalan memandangkan ketidakpastian global yang semakin meningkat serta menyatakan sokongan terhadap inisiatif APEC untuk memodenkan sistem rantaian bekalan, memudahkan perdagangan dan memastikan rantaian bekalan

kekal tangkas, inklusif dan responsif terhadap cabaran semasa dan masa hadapan.

5. Para Menteri telah mengesahkan Kenyataan Bersama Menteri-Menteri APEC MRT 2025 yang boleh diakses melalui pautan [2025 APEC Ministers Responsible for Trade Joint Statement | APEC]

Gambar: WTO

6. Di pinggir Mesyuarat tersebut, Yang Berhormat Dato Dr. Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II telah mengadakan perujumpaan bersama Puan Yang Terutama Grace Fu Hai Yien, *Minister for Sustainability and the Environment and Minister-in-Charge of Trade Relations* Republik Singapura. Kedua Menteri mengesahkan hubungan erat dan yang telah lama ditubuhkan antara kedua buah negara, melahirkan kebimbangan bersama mengenai peningkatan tindakan perlindungan *(protectionism)* dan menggariskan kepentingan untuk menjunjung tinggi sistem perdagangan pelbagai hala berasaskan peraturan. Perbincangan juga tertumpu kepada mendalami kerjasama serantau melalui platform seperti ASEAN dan APEC serta meneroka peluang kerjasama baharu, terutamanya dalam bidang tenaga dan kemampanan.

7. Yang Berhormat Dato Dr. Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II juga bertemu dengan Puan Ngozi Okonjo-Iweala, Ketua Pengarah WTO, di pinggir Mesyuarat tersebut.

8. Mesyuarat MRT APEC diadakan setiap tahun dan menghimpunkan Menteri-Menteri Perdagangan dan Ekonomi daripada Ekonomi-Ekonomi APEC untuk membincangkan cara-cara mengukuhkan kerjasama perdagangan dan ekonomi serantau.

Mesyuarat Menteri-Menteri CPTPP

9. Menteri-Menteri dan wakil-wakil CPTPP telah mengadakan perjumpaan pada 16 Mei 2025 di Jeju di pinggir Mesyuarat MRT APEC. Para Menteri menggariskan kepentingan untuk memajukan kerja-kerja *General Review* bagi mengemaskini dan meningkatkan usaha CPTPP dan mengalu-alukan kemajuan yang dicapai dalam proses penyertaan Costa Rica. Para Menteri juga memutuskan untuk mengadakan dialog secepat mungkin dengan Kesatuan Eropah dan ASEAN, pada tahun 2025,. Para Menteri mengeluarkan Kenyataan Bersama Menteri yang boleh diakses melalui pautan Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership (CPTPP) Joint Ministerial Statement, 16 May 2025 | Australian Government Department of Foreign Affairs and Trade

Gambar: Department of Foreign Affairs and Trade, Australia

10. Turut hadir di Mesyuarat-Mesyuarat tersebut ialah Yang Mulia Dayang Dr. Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin, Setiausaha Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Industri) di Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta pegawai-pegawai lain daripada Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

*****

Disediakan oleh:
Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa
Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Tarikh: 21 Zulkaedah 1446
19 Mei 2025
Rujukan: KKW/ADM/70